

UniMAP SALUR SUMBANGAN RM40,400 KEPADA PELAJAR dalam MAJLIS PENYERAHAN CEK TABUNG AMANAH KHAS UniMAP & TABUNG AMANAH ZAKAT UniMAP

Oleh ; Mohammad Irhamuddin Mansor



25 Februari 2009 merupakan detik bersejarah dimana UniMAP telah melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menyalurkan sumbangan pertama bernilai RM40,400 kepada pelajar-pelajar UniMAP yang telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniMAP. Majlis yang telah berlangsung di Dewan Keiklasan, Jabatan Canselori, Kangar, Perlis menyaksikan seramai 43 orang penerima yang layak adalah penerima Tabung Amanah Zakat UniMAP yang bernilai RM29,000 manakala 38 orang lagi menerima Tabung Amanah Khas UniMAP yang bernilai RM11,400 dimana pelancarannya telah dijalankan pada Jun 2008. Sumbangan ini adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan bagi pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan semasa mereka menuntut di universiti ini selain memberi motivasi kepada mereka. Dana tabung tersebut diperolehi daripada sumbangan ikhlas staf UniMAP sendiri yang prihatin terhadap pelajar-pelajar dibawah asuhan dan didikan mereka. Manakala Tabung Amanah Zakat UniMAP ditubuhkan untuk golongan pelajar-pelajar muslim yang bertepatan dengan asnaf-asnaf yang telah termaktub dalam Al-Quran. Dana tersebut adalah sumbangan ihsan dari Etiqa Takaful dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Antara kriteria pemilihan untuk mendapatkan Tabung Amanah Khas UniMAP ;

- Pelajar yang dipilih hendaklah seorang pelajar yang berdaftar sepenuh masa di universiti ini.
- Pelajar yang berkenaan hendaklah terdiri daripada pelajar Diploma dan Ijazah Pertama sahaja bantuan kewangan ini terbuka kepada semua pelajar iaitu warganegara Malaysia sahaja dan tidak termasuk warganegara asing.
- Pendapatan bersih kedua-dua ibu bapa/penjaga pelajar hendaklah tidak melebihi RM 1,500.00 sebulan.

Lain - lain pertimbangan :

- Ibu atau bapa pelajar meninggal dunia akan di berikan RM500.00 (setelah membuat permohonan)
- Pelajar UniMAP yatim piatu akan diberi RM1,000.00 (setelah membuat permohonan)
- Jumlah tanggungan yang masih belajar 5 orang keatas walaupun gaji melebihi RM1,500.00 sebulan.
- Umur tanggungan tidak melebihi umur 21 tahun melainkan masih melanjutkan pengajian diperingkat Universiti.
- Pengurusan jenazah pelajar UniMAP sebanyak RM1,000.00
- Pelajar yang mendapat kemalangan serius serta dikehendaki untuk mendapat rawatan selanjutnya di hospital dan memerlukan penjagaan ibu bapa atau keluarga terdekat akan diberi bantuan kewangan tidak melebihi RM1,000.00 untuk meringankan beban kewangan ibu bapanya.

Manakala pemilihan Tabung Amanah Zakat pula :

- Calon yang dipilih hendaklah seorang pelajar yang berdaftar di universiti ini.
- Pelajar yang menerima bantuan wang zakat ini mestilah beragama Islam.
- Pelajar yang menerima wang zakat ini mestilah tergolong dalam golongan asnaf-asnaf sebagaimana yang ditetapkan dalam syariat Islam.
- Syarat-syarat pemberian wang zakat hendaklah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam.
- Pendapatan bersih ibu bapa pelajar hendaklah tidak melebihi RM 1,500.00 sebulan.

Lain - lain pertimbangan :

- Ibu atau bapa pelajar meninggal dunia akan di berikan RM500.00 (setelah membuat permohonan)
- Pelajar UniMAP yatim piatu akan diberi RM1,000.00 (setelah membuat permohonan)
- Jumlah tanggungan yang masih belajar 5 orang ke atas walaupun gaji melebihi RM1,500.00 sebulan.
- Umur tanggungan tidak melebihi umur 21 tahun melainkan masih melanjutkan pengajian diperingkat Universiti.

Pemilihan ini akan dilakukan oleh ahli jawatankuasa yang telah di tetapkan sebulan sekali serta bergantung pada permohonan pelajar.

